

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

TARIKH : 2 DISEMBER 2015

RUJUKAN : 8312

SOALAN:

Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) apakah tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan ke atas akhbar dan penerbit Sarawak Report, The Edge, World Street Journal (WSJ) yang menyiarkan berita yang dikatakan tidak benar, berniat jahat dan menggunakan sumber yang tidak sah; dan

(b) apakah tindakan yang sedang dan telah diambil terhadap individu-individu yang nama mereka disebut di dalam pengakuan Xavier Andre Justo (telah dipenjara di Thailand) dikatakan terlibat dengan pembelian maklumat curi berkaitan 1MDB.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan menggantung permit penerbitan akhbar The Edge selama 3 bulan bermula 27 Julai 2015 kerana didapati menyiarkan bahan-bahan *hasil penerbitan yang tidak diingini* iaitu mengandungi hasil penerbitan yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan Negara.

Walau bagaimanapun kes ini sedang berjalan dan masih dalam tindakan Mahkamah Rayuan.

Berhubung isu yang dikaitkan dengan pendedahan Xavier Justo warganegara Switzerland yang ditahan oleh pihak polis Thailand melibatkan orang kenamaan di Malaysia, pihak PDRM telah menjalankan siasatan berkait Sentul Repot 12685/2015 bertarikh 18 Julai 2015 di bawah Seksyen 124 (B) dan 124 (J) Kanun Keseksaan.

Pihak PDRM tidak berhasrat untuk mendedahkan sebarang maklumat berkaitan perkara ini kerana dikhuatiri boleh menjejaskan siasatan yang sedang dijalankan.